

Headline	TANAM 126 POKOK UNTUK KEBAJIKAN		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	24 May 2016	Color	Full Color
Section	Agro	Circulation	1,270,667
Page No	23	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	357 cm <sup>2</sup>
Journalist	Faizatul Farlin Farush	AdValue	RM 14,010
Frequency	Daily	PR Value	RM 42,030



# TANAM 126 POKOK UNTUK KEBAJIKAN

## Inisiatif Allianz Life bersama 90 agensi lain berbakti kepada golongan kurang bernasib baik

**Faizatul Farlin Farush Khan**  
ffarlin@hmetro.com.my

**Sebanyak** 126 anak pokok daripada jenis Dipterocarpaceae (pokok hutan hujan tropika tanah rendah), ditanam di **Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM)**, sebagai usaha kebajikan dijalankan Allianz Life Insurance Malaysia Berhad (Allianz Life).

Penanaman pokok itu sebahagian inisiatif kebajikan termasuk derma darah dan melawat rumah anak yatim serta rumah orang tua yang menyaksikan 90 agensi bergabung dengan Allianz Life untuk menguruskan kebajikan dan berbakti kepada mereka yang kurang bernasib baik.

Usaha sejak tiga tahun lalu itu yang diadakan sempena Hari Kebajikan Allianz, menggalakkan setiap agensi yang mengambil bahagian untuk memilih satu aktiviti saluran kebajikan.

Usaha penanaman pokok itu dijalankan CP Ardent Advisory Sdn Bhd, Edge Solution Wealth Advisory Sdn Bhd, PGA Prorisk Sdn

Bhd, Sew Wealth Advisory Sdn Bhd dan Tan Kiau Gark Agency.

Simbolik 126 pokok adalah melambangkan jumlah tahun kewujudan Allianz.

Pada masa sama, Ketua Pegawai Eksekutif Allianz Life, Joseph K Gross dan Ketua Pegawai Jualan, Ong

Pin Hean, pula menyertai ACP Agensi membuat lawatan ke Pusat Penjagaan Kanak-Kanak Cacat Taman Megah iaitu pusat penjagaan kanak-kanak kurang upaya.

Di rumah kebajikan, mereka menghabiskan masa berbual dengan anak-anak dan warga emas, membantu membaik pulih kediaman serta menggantikan perabot dan barangan elektrik lama dengan yang baru.

Mereka turut menyerahkan barang keperluan harian seperti makanan yang tidak mudah rosak dan peralatan mandian serta sumbangan.

Untuk mengembirakan penghuni, acara seperti konsert mini, permainan

yang menyeronokkan dan aktiviti luar bilik turut dianjurkan.

Menurut Ong, syarikat korporat mempunyai tanggungjawab untuk menyumbang kepada masyarakat dan perlu menghargai kehidupan.

Katanya, dalam kehidupan yang singkat ini kita perlu menunjukkan penghargaan pada perkara yang mungkin dipandang ringan seperti meluangkan masa untuk orang lain atau mendengar luahan hati mereka.

“Aktiviti seperti ini adalah satu pengalaman yang baik dan membuka peluang kepada kita untuk melakukan kebajikan selain boleh berhubung dengan kelompok yang mungkin tidak begitu diberi perhatian dalam masyarakat.

“Kami berharap dapat meneruskan usaha murni ini dan menjadikannya sesuatu yang istimewa,” katanya.

Headline	TANAM 126 POKOK UNTUK KEBAJIKAN		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	24 May 2016	Color	Full Color
Section	Agro	Circulation	1,270,667
Page No	23	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	357 cm <sup>2</sup>
Journalist	Faizatul Farlin Farush	AdValue	RM 14,010
Frequency	Daily	PR Value	RM 42,030

